

17/09/2002

Umno terima laporan penyelewengan Puteri

KUALA LUMPUR, Isnin - Ahli Puteri Umno, Zalilah @ Elly Yusof yang sebelum ini membuat laporan polis mengenai salah guna kuasa serta penyelewengan harta pergerakan itu, hari ini membuat laporan sama kepada Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Zalilah, 26, menghantar laporan itu kepada pejabat Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob di tingkat 38, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Laporan berkenaan diserahkan kepada setiausaha sulit Khalil, Junaidah Ismail kerana Menteri Penerangan itu tiada di pejabat ketika itu.

"Aduan dalam bentuk laporan khas membabitkan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pentadbiran Ketua Penaja Puteri Umno itu sudah saya serahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Lembaga Disiplin Umno.

"Terpulanglah kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Lembaga Disiplin Umno serta polis untuk membuat siasatan lanjut mengenai laporan ini," katanya.

Zalilah membuat laporan di Balai Polis Brickfields pada Rabu lalu mengenai dakwaan salah guna kuasa, penyelewengan pentadbiran yang membabitkan kesahihan jumlah keahlian Puteri, penyelewengan harta Puteri didaftarkan sebagai harta persendirian serta penyelewengan tabung Puteri oleh Ketua Penajanya, Azalina Othman Said.

Berikutan itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta mana-mana ahli Puteri yang mempunyai maklumat berhubung penyalahgunaan harta dan tabung sayap baru ini, membuat laporan kepada Jawatankuasa Pengurusan parti dan bukan polis.

Dr Mahathir berkata, ahli Puteri wajar mengemukakan laporan kepada jawatankuasa itu kerana ia tidak memihak kepada mana-mana pihak.

Mengulas lanjut mengenai tindakannya itu, Zalilah berkata, beliau masih menunggu jawapan Azalina berhubung pendaftaran empat van milik Puteri yang didaftarkan ke atas nama individu yang tiada kena mengena dengan Puteri Umno.

"Saya harap Azalina dapat menjawab dakwaan ini secara rasional dan bukan emosional," katanya.

Ditanya sama ada penyelewengan membabitkan wang tabung Derma Darah Puteri Umno di Ipoh berjumlah RM50,000, Zalilah enggan mengulas lanjut.

Beliau sebaliknya berkata, keputusannya membuat aduan kepada Jawatankuasa Pengurusan parti itu dibuat dengan mengambil kira nasihat Presiden Umno.

Sementara itu, bekas exco Puteri, Raihan Sulaiman Palestin yang sebelum ini menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Puteri, menemui Khalil di pejabat Setiausaha Agung Umno pagi ini bagi mendapatkan penjelasan mengenai kelayakannya bertanding pada pemilihan exco Puteri, 1 November ini.

"Khalil dengan sabar meluangkan masa mendengar penjelasan saya. Beliau banyak bertanyakan mengenai latar belakang saya kerana masing-masing tidak ada kesempatan untuk berkenalan dengan lebih lanjut.

"Saya sudah menyerahkan surat permohonan bagi mendapatkan penjelasan mengenai kekeliruan yang wujud," katanya.